

Headline	Insentif RM100 untuk jururawat pakar		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 May 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	12	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,859
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,577



Insentif RM100 untuk jururawat pakar

SHAH ALAM: Kerajaan akan membayar insentif RM100 sebulan kepada jururawat pakar yang memiliki kelayakan pos basik dalam bidang penjagaan kritikal dan pengkhususan kritikal.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata kerajaan menambah senarai penjagaan kritikal dan pengkhususan kritikal kepada 26 bidang daripada 18 sebelum ini untuk menggalakkan lebih ramai jururawat memiliki kelayakan dalam bidang pengkhususan.

“Kerajaan, sejak 2007, meluluskan bayaran insentif pos basik RM100 setiap bulan kepada semua jurura-

wat daripada Kementerian Kesihatan yang memiliki sijil pos basik dalam satu daripada 18 bidang penjagaan kritikal dan pengkhususan kritikal.

“Kini, kami menambahnya kepada lapan lagi bidang dan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2012,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Jururawat Sedunia Antarabangsa di sini, semalam.

Lapan bidang pengkhususan tambahan itu ialah rawatan kawalan infeksi, kaunseling HIV/AIDS, pengurusan diabetes, endoskopi gastrointestinal, penjagaan kesihatan

premier, pemulihan, forensik dan perubatan sukan.

Liow berkata, kursus peringkat sijil pos basik yang mengambil masa antara enam bulan dan setahun adalah setara dengan diploma lanjutan dan membolehkan jururawat memberi penjagaan lebih baik kepada pesakit.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Liow berkata kerajaan akan memperkenalkan kaedah rawatan alternatif Talasemia, yang lebih mudah dan tidak menyakitkan, dengan menggunakan sejenis ubat Deferasirox (Exjade) bagi merawat pesakit itu, dijangka bermula Julai ini.